

JANGAN HALANG

BM - 1 MEI 1994

KEMAJUAN EKONOMI

Ⓟ

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pekerja dan kesatuan sekerja membantu kerajaan menentang sebarang usaha menghalang pembangunan ekonomi negara yang akan menyebabkan mereka menganggur.

Sempena sambutan Hari Pekerja hari ini, Perdana Menteri juga mahu pekerja menolong usaha kerajaan membendung inflasi dan mengemukakan kos sara hidup yang rendah di negara ini.

"Dengan cara ini, kita akan terus menaikkan kemampuan kita bersaing di pasaran dunia, meningkatkan keperluan untuk pekerja dan secara sihat mempertingkatkan pendapatan mereka," katanya dalam perutusan Hari Pekerja, yang dikeluarkan di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, pekerja perlu merenung perubahan dalam masya-

hidup yang lebih rendah. Bagaimanapun dari segi kuasa membeli, pendapatan di Malaysia hampir tiga kali ganda lebih tinggi daripada jumlah upah yang sama di negara maju.

"Ini bermakna walaupun upah mereka lebih tinggi, taraf hidup mereka tidak sama tingginya dengan upah yang didapati oleh mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, selaras dengan hasrat Malaysia mahu menjadi negara maju, pendapatan pekerja mestilah meningkat sejajar dengan kemajuan yang dicapai oleh negara.

Menurutnya, kerajaan sudah membuktikan kemampuan memajukan negara sehingga Malaysia menduduki tempat ke-19 di kalangan negara perdagangan di dunia walaupun ia kecil berbanding negara perdagangan lain.

rakat pekerja di dalam dan luar negara serta menyesuaikan peranan mereka dalam sebuah negara membangun seperti Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, cadangan negara maju supaya ditetapkan gaji minimum bagi seluruh dunia jelas bertujuan menaikkan kos pengeluaran di negara membangun seperti Malaysia.

"Jika kos naik sudah tentu barangan kita tidak akan dapat menguasai pasaran dunia lagi. Akibatnya perusahaan akan berpindah ke negara maju dan pekerja kita akan menganggur.

"Cadangan ini telah disokong oleh pekerja negara maju. Apabila kepentingan mereka terancam, persaudaraan mereka dengan pekerja di negara membangun tidak bermakna lagi," katanya.

Perdana Menteri berkata, upah rendah di negara ini membolehkan sara

"Dengan pembangunan yang pesat, pendapatan pekerja sudah pun meningkat.

"Ini ialah kerana peluang pekerjaan bertambah sehingga melebihi daripada bekalan tenaga pekerja.

"Sudah tentu pendapatan pekerja meningkat lagi jika perdagangan kita turut bertambah.

"Perdagangan kita, terutama eksport tetap akan meningkat jika barangan kita boleh bersaing dengan barangan dari negara lain. Ini boleh berlaku jika kita dapat meningkatkan lagi daya pengeluaran," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, perubahan pegangan ideologi politik dan kemasyarakatan di seluruh dunia menyebabkan konsep kelas yang mengkategorikan pekerja, golongan menengah dan borjuis, tidak bermakna lagi.